

## **Pengangkatan Anak serta Implikasinya Terhadap Nasab, Hadanah, Nafkah dan Pusaka dalam Undang-Undang Keluarga Islam**

*Child Adoption and Its Implications Towards Paternity, Custody, Maintenance and Inheritance in Islamic Family Law*

**Zanariah Noor & Anhar Opir**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
e-mail: zanariah@fsk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Pengangkatan anak dibenarkan dalam Islam, bahkan bagi kes yang melibatkan anak-anak yatim amalan ini amat digalakkan. Amalan ini mempunyai kebaikan-kebaikan kerana ia memberi ruang berlakunya perlindungan terhadap golongan yang memerlukan dalam masyarakat. Anak angkat tidak menjadi “anak sebenar” kepada ibubapa angkat dari segi hukum syarak, oleh itu interaksi antara keluarga angkat dengan anak angkat serta aspek-aspek lain seperti nasab (contohnya sandaran nama anak angkat kepada bapa kandung), batasan pergaulan dan pewarisan harta contohnya antara perkara-perkara berbangkit dari wujudnya hubungan pengangkatan ini yang perlu diberi perhatian. Penulisan ini menggunakan teknik analisis kandungan terhadap pandangan ulama-ulama fiqh berkenaan dengan pengangkatan dalam Islam serta implikasinya dari segi nasab, hadanah, nafkah dan pusaka dan juga peruntukan undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara tersebut di Malaysia. Perbicaraan kes-kes di Mahkamah Syariah dengan mengaplikasikan peruntukan undang-undang serta prinsip-prinsip fiqh akan dibincangkan.

**Kata kunci:** pengangkatan anak, nasab, hadanah, nafkah, pusaka

### **Abstract**

*Child adoption is permissible in Islam, and even in the case of an orphan this practice is encouraged. This practice has its advantages for it allows protection towards those in needs in the society. The adopted child does not become a “true child” of the adoptive parents, thus an interaction between adoptive parents and the adopted child as well as other aspects such as paternity (as in the case of naming the child to his/her own biological father), limit of interactions as well as inheritance that arose from this relationship should be observed. This writing applies content analysis technique which provides insight from Islamic jurisprudence scholars’ views regarding child adoption and its implications on paternity, custody, maintenance and inheritance as well as provisions of law regarding those matters in Malaysia. Decided cases heard in Shariah Court which had applied law provisions as well as the application of Islamic jurisprudence principle would also be highlighted.*

**Keywords:** child adoption, paternity, custody, maintenance, inheritance

### **Pendahuluan**

Islam mengharuskan pengambilan anak angkat dengan syarat tidak menasabkan anak tersebut kepada bapa angkatnya, kerana menjaga keturunan dalam Islam adalah di antara Maqasid al-Syar’iah (objektif pensyariatatan). Pengangkatan anak ini menjadi satu mekanisme pengawasan dan penjagaan anak-anak yang kematian atau ketiadaan penjaga. Undang-undang di Malaysia membenarkan amalan pengangkatan ini, walau bagaimanapun ia mesti didaftarkan. Isu-isu seperti sandaran nama anak kepada bapa angkat bagi mengelakkan stigma masyarakat terhadap kedudukan anak angkat yang dilahirkan sebagai anak tak sah taraf, isu pergaulan dan batasan aurat yang cuba diselesaikan dengan cara penyusuan anak angkat oleh ibu angkat, hasrat ibu bapa angkat yang ingin menyerahkan harta kepada anak angkat sebagai tanda kasih

sayang, perebutan hak hadanah anak angkat antara ibu dan bapa angkat dan juga antara ibubapa angkat dengan ibu bapa kandung adalah antara perkara yang dibangkitkan dalam artikel ini.

### **Pengangkatan Anak sebagai Satu Bentuk Perlindungan kepada Kanak-kanak**

Pengangkatan anak merujuk kepada suatu amalan mengambil anak orang lain untuk dipelihara, diasuh, dididik dan dibesarkan dengan penuh perhatian serta kasih sayang seperti anak kandung sendiri (Shamsuddin Suhor, 2008: 10). Pengangkatan dalam Islam lebih menjurus kepada amalan menolong anak-anak yang masih belum dewasa yang memerlukan pengawasan dan perlindungan disebabkan kemiskinan, kematian ibu bapa dan sebagainya. Hubungan nasab dengan keluarga asal masih dikekalkan. Memelihara keturunan berdasarkan pertalian darah adalah sesuatu yang amat dijaga dalam Islam, terutamanya bagi mengelakkan berlaku pewarisan yang bukan hak, perkahwinan antara mahram dan ia juga penting kerana hubungan darah menjadi panduan tentang batasan kesopanan menjaga aurat dan interaksi antara individu dalam keluarga. Oleh itu, status anak angkat dalam Islam adalah tidak sama seperti anak kandung.

Namun begitu, Islam amat menggalakkan umat Islam memberi perlindungan dan pengawasan kepada anak-anak yang memerlukan penjagaan. Perlindungan terhadap kanak-kanak yang masih dalam usia memerlukan pengawasan dan penjagaan dapat diperhatikan dalam al-Quran yang memberi amaran kepada golongan wali (penjaga) agar tidak menyalahgunakan harta anak-anak yatim. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka, dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk; dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu; kerana sesungguhnya (yang demikian) itu adalah dosa yang besar.”*

(al-Nisa’: 2).

Ganjaran baik dijanjikan kepada mereka yang menjaga dan melindungi anak-anak yatim dan sebaliknya mereka yang menzalimi dan menyalahgunakan harta anak-anak yatim dijanjikan dengan balasan yang buruk di akhirat. Layanan yang baik dari segi perbuatan dan perkataan terhadap anak-anak yatim adalah sesuatu yang dituntut dalam Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Adapun anak yatim maka janganlah Engkau berlaku kasar terhadapnya”*

(al-Dhuha: 9).

Seseorang yang melayan anak-anak yatim dengan buruk sama ada dari segi tutur kata yang menyakitkan, perbuatan jahat dan melanggar hak-hak mereka seperti pecah amanah terhadap harta mereka adalah perbuatan tercela, berdosa dan akan dikenakan balasan di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

*Maksudnya: Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang dhaif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran). Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.*

(al-Nisa’: 9-10)

Firman Allah SWT:

*Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga dia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.*

(al-Isra': 34).

Kesalahan terhadap anak yatim termasuk dalam dosa besar. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ , قالوا : يا رَسُولَ اللَّهِ وما هُنَّ ؟ قال : الشُّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّخْرِ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ  
إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

*Maksudnya: Jauhilah tujuh dosa besar. Mereka bertanya: Apakah perkara-perkara itu wahai Rasulullah? Nabi SAW menjawab: Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang Allah larang kecuali dengan hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang, dan menuduh wanita-wanita beriman dengan tuduhan jahat (zina).*

(Muslim, t.t, Kitab al-Iman, No. Hadis 89, Jil. 1: 92)

Teladan dari Nabi Muhammad SAW menunjukkan baginda adalah orang yang amat prihatin dan mengasihi anak-anak yatim dan baginda juga menggalakkan umat Islam memberi perlindungan dan penjagaan kepada mereka. Diriwayatkan daripada Sahl bin Sa'd bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا وَقَالَ يَأْتِبِعِيهِ السَّبَّابَةُ وَالْوَسْطَى

*Maksudnya: Aku dan penjaga anak yatim di dalam syurga, demikian Nabi berkata dengan menunjukkan kedua-dua jarinya iaitu jari telunjuk dan jari tengah.*

(al-Bukhari, 1987, Kitab al-Adab, No. Hadis 5659, Jil. 5: 2237)

Antara bentuk perlindungan terhadap kanak-kanak dalam Islam adalah melalui pengangkatan anak, sama ada melibatkan anak-anak yatim (sama ada yang kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya), anak yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan tidak diketahui ibu bapanya atau anak yang berasal dari keluarga miskin. Dalam keadaan ini, mengambil kanak-kanak tersebut sebagai anak angkat adalah amat digalakkan dalam Islam atas dasar menolong anak-anak tersebut dan menyediakan suasana kekeluargaan di samping menanggung keperluan hidup mereka termasuk perbelanjaan sara hidup dan persekolahan. Bantuan yang diberikan oleh ibu bapa angkat dapat membantu menyediakan mereka kepada kehidupan yang lebih terjamin.

## **Pengangkatan Anak Menurut Undang-undang di Malaysia**

Di Malaysia, tidak terdapat undang-undang mengenai pengambilan anak angkat yang dikhususkan kepada orang Islam sahaja yang berdasarkan hukum syarak. Mengikut adat kebiasaan masyarakat Melayu, amalan pengangkatan dilakukan dengan cara menukarkan 'bin' atau 'binti' anak angkat dari bapa asal kepada bapa angkat, tetapi pertukaran nama bapa tidak akan memutuskan pertalian nasab di antara anak dengan keluarga asal. Ini bererti perwalian perkahwinan anak angkat perempuan mesti dijalankan oleh wali nasab (Mimi Kamariah Majid, 1999: 117).

Pengiktirafan pengangkatan mengikut adat Melayu ini dijelaskan oleh hakim dalam kes *Jainah bt Semah lwn Mansor bin Iman Mat* [1951] 1 MLJ 62. Fakta kes menunjukkan plaintif dan suami mengambil anak saudara perempuan suami sebagai anak angkat dan dipelihara sejak kecil hingga anak tersebut berusia sebelas tahun. Suami kemudiannya meninggal dunia, dan bapa kandung anak tersebut mengambil balik anak. Isu yang menjadi persoalan ialah, adakah pengangkatan tersebut diiktiraf oleh undang-undang dan sekiranya ia diiktiraf, apakah kedudukan pengangkatan tersebut, sekiranya bapa angkat meninggal dunia dan kedua-dua keluarga asal dan ibu angkat bertikai tentang hak jagaan anak tersebut.

Hakim memutuskan bahawa undang-undang mengiktiraf amalan pengangkatan di kalangan orang Melayu di Pahang Tengah sebagai sebahagian daripada undang-undang adat mereka. Mahkamah berpendapat, pengangkatan masih berjalan walaupun bapa angkat telah meninggal dunia, kerana ibu angkat masih hidup. Pengangkatan yang dilakukan oleh pasangan suami isteri dianggapkan sebagai dikongsi bersama.

Pengambilan anak angkat yang melibatkan orang Islam di Semenanjung Malaysia hanya boleh dilakukan di Pejabat Pendaftaran Anak Angkat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253). Pemakaian Akta 253 ini tidak hanya dikhususkan kepada orang Islam sahaja, ianya juga terpakai ke atas orang bukan Islam. Selain Akta 253, orang bukan Islam boleh mendapatkan perintah mahkamah mengenai pengambilan anak angkat di bawah Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257). Walaupun kedua-dua Akta 253 dan 257 memperuntukkan tentang proses pengangkatan tetapi kesan pengangkatan di antara keduanya adalah berbeza.

Kesan perintah pengangkatan yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Akta 257 akan menghapuskan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan ibu bapa atau penjaga anak angkat dari segi penjagaan, nafkah dan pendidikan masa hadapan kanak-kanak itu, termasuk semua hak untuk melantik seorang penjaga atau untuk memberi persetujuan atau memberi notis melarang perkahwinan, hendaklah tamat dan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan sedemikian hendaklah terletak hak dengan dan dilaksanakan oleh dan dikuatkuasakan terhadap ibu bapa angkat (Akta Pengangkatan 1952, seksyen 9 (1)).

Hak, tanggungjawab dan tanggungan yang dimaksudkan ini bukan hanya terhad ke atas diri kanak-kanak sahaja, tetapi termasuk juga terhadap harta kanak-kanak (Akta Pengangkatan 1952, seksyen 9 (2) (3) (4) (6)). Hubungan di antara pengangkat dengan anak angkat tersebut disifatkan sebagai hubungan ibu bapa kandung dengan anak kandung, iaitu dianggapkan mempunyai pertalian darah, walaupun mungkin pada masa hadapan anak angkat tersebut akan diambil angkat oleh orang lain (Akta Pengangkatan 1952, seksyen 9 (7)). Kesan Pengangkatan dalam Akta 257 ini jelas bertentangan dengan hukum syarak. Oleh sebab itu, Akta ini tidak terpakai ke atas orang Islam (*Tan Kong Meng lwn Zainon* [1995] 3 MLJ 408)

Akta 253, iaitu Akta yang boleh digunakan oleh orang Islam tidak mempunyai kesan kesahihannya dari segi undang-undang (*de jure*). Sebaliknya, ia hanyalah pengiktirafan dari segi fakta (*de facto*) sahaja. Oleh itu, pengangkatan mengikut adat sama ada adat orang Melayu (*Jainah Semah lwn Mansor Iman Mat* [1951] 1 MLJ 62) atau kaum lain (*Re Loh Toh Met* [1961] MLJ 234) boleh didaftarkan di bawah Akta 253 ini. Walaupun Akta ini terpakai ke atas orang Islam, ia tidak bermakna Akta ini diasaskan kepada undang-undang Islam. Sebaliknya, ia bersesuaian antara lain dengan adat Melayu. Namun, disebabkan kesan pengangkatan tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka ia dibenarkan terpakai ke atas orang Islam.

Sebelum sesuatu pengangkatan didaftarkan di bawah Akta 253, syarat-syarat tertentu perlu dipenuhi iaitu:

- (a) Kanak-kanak mestilah berumur di bawah lapan belas tahun;
- (b) Kanak-kanak tersebut belum pernah berkahwin;
- (c) Kanak-kanak hendaklah berada dalam jagaan atau diasuh, ditanggung dan diberi pendidikan oleh seseorang atau sepasang kelamin bersama, sebagai anaknya atau anak mereka menurut pengangkatan fakta (*de facto*); dan
- (d) Kanak-kanak tersebut selama tidak kurang daripada dua tahun berturut-turut dan sebelum sahaja tarikh permohonan untuk pendaftaran, dalam jagaan atau

diasuh, ditanggung dan diberi pendidikan oleh pengangkat. (Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, seksyen 6 (1))

Dalam kes *Tan Kong Meng lwn Zainon Md Zain and Anor*, [1995] 3 MLJ 408 seorang anak tak sah taraf kepada plaintif dan pasangannya, Chong diserahkan kepada pasangan Melayu, iaitu responden dalam kes ini oleh Chong untuk dijadikan anak angkat tanpa pengetahuan plaintif. Pendaftar pengangkatan atas budi bicaranya mendaftarkan pengangkatan tersebut walaupun tanpa mendapat keizinan bapa pada 11 Mei 1991 dan pada hari yang sama, anak tersebut ditukar agamanya kepada agama Islam. Plaintif menuntut deklarasi bahawa dia berhak terhadap jagaan dan pemeliharaan anak tak sah taraf tersebut dan berhak terhadap pendidikan agamanya.

Isu yang menjadi persoalan ialah, adakah pengangkatan kanak-kanak yang menjadi pertikaian tersebut didaftarkan sewajarnya? Bagi menjawab persoalan ini, hakim merujuk seksyen 6 (1), Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Mahkamah berpuas hati bahawa anak berada di bawah jagaan responden dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat bahawa dari segi pembiayaan, Chong iaitu ibu kandung anak itu yang telah menanggung perbelanjaannya sehingga pengangkatan dibuat. Oleh sebab itu, memandangkan syarat yang diperuntukkan dalam seksyen 6 (1) perlu dibaca bersama, mahkamah memutuskan kegagalan pembuktian wujudnya tanggungan nafkah oleh responden menyebabkan pendaftaran tersebut sebagai tidak sah.

Sebelum pindaan Perkara 121 1A pada tahun 1988, pertikaian mengenai hak penjagaan anak angkat di antara pihak-pihak yang beragama Islam boleh dikemukakan di Mahkamah Sivil. Namun, selepas pindaan tersebut, mana-mana pertikaian hak penjagaan anak angkat perlu diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Kes *Abdul Shaik Md Ibrahim & Anor lwn Hussein Ibrahim & Ors*, [1999] 2 CLJ 539 adalah kes rayuan yang dikemukakan oleh defendan pertama dan kedua terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang menolak permohonan mereka agar mengenyahkan tuntutan plaintif kerana menyalahi undang-undang (non-jurisdiction) kerana kedua-dua belah pihak beragama Islam. Fakta kes menunjukkan plaintif kedua telah melahirkan seorang anak perempuan pada 22 Jun 1989 dan namanya didaftarkan sebagai Noorhadiah Abdul Shaik. Plaintif dan suaminya menyerahkan anak tersebut kepada defendan pertama dan kedua dengan syarat defendan-defendan akan menyerahkan kembali anak tersebut jika mereka mendapat anak sendiri kelak.

Pihak defendan kemudiannya pada 28 Ogos 1991 mendaftarkan pengangkatan tersebut mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Pada 16 Ogos 1996, defendan kedua melahirkan anak. Oleh itu, pihak plaintif sebagaimana yang dijanjikan meminta anak dikembalikan, tetapi defendan enggan. Mereka juga menghalang plaintif daripada melawat anak tersebut.

Oleh itu, plaintif memohon deklarasi pembatalan pengangkatan dan perintah supaya defendan pertama dan kedua menyerahkan anak kembali kepada plaintif. Defendan kemudiannya memfailkan saman dalam kamar memohon perintah permohonan plaintif diketepikan dengan alasan tuntutan tersebut adalah perkara yang terletak hak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Permohonan ditolak, dan defendan mengemukakan rayuan.

Antara isu yang dipertimbangkan ialah, adakah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 terpakai ke atas orang Islam, kerana Akta ini tidak menjelaskan dengan khusus kedudukan ini, berbanding Akta Pengangkatan 1952 di bawah seksyen 31 yang dengan jelas menyatakan bahawa Akta Pengangkatan 1952 tidak terpakai ke atas orang Islam. Hakim berpendapat, kedua-dua Akta ini perlu dibaca secara bersama, jika tidak matlamat pengecualian orang Islam dalam pemakaian Akta Pengangkatan 1952 tidak tercapai. Oleh itu, diputuskan pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran pengangkatan 1952 adalah batal. Pengangkatan di bawah Akta tersebut adalah berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Jadual 9, Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa penggubalan undang-undang pengangkatan ke atas orang bukan Islam kepada kerajaan persekutuan. Dalam kes ini, ternyata Pendaftar Pengangkatan telah silap kerana menggunakan Akta tersebut ke atas kanak-kanak yang beragama Islam.

Walau bagaimanapun, permohonan perintah pemulangan anak tersebut kepada plaintif atau sebagai alternatif hak akses adalah bukan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang 1985, mengandungi peruntukan tentang hak jagaan dan penjagaan kanak-kanak. Oleh itu, tuntutan itu perlu dikemukakan ke Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa tentang perkara tersebut.

### **Implikasi Pengangkatan Anak Terhadap Nasab**

Nasab berkait rapat dengan identiti diri seseorang, dan dikaitkan dengan status seorang anak yang dilahirkan itu sama ada dia adalah anak sah taraf iaitu dilahirkan dalam ikatan perkahwinan yang sah ibu bapanya atau sebaliknya. Berbeza dengan undang-undang sivil yang memberikan anak angkat kedudukan yang sama dari segi undang-undang dengan anak kandung. Undang-undang Islam melarang memutuskan nasab di antara seseorang kanak-kanak dengan ibu bapa kandung. Menasabkan diri seseorang kepada orang lain adalah dilarang sama sekali, sebagaimana yang dinaskan dalam al-Qur'an melalui firman Allah (SWT) yang bermaksud:

*Dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu menjadi anak kandungmu sendiri. Itu adalah semata-mata perkataan di mulutmu. Allah mengatakan yang hak (benar) dan Dia menunjukkan jalan kebenaran. Panggillah mereka (anak-anak angkatmu) dengan menyebut nama bapanya. Itulah yang terlebih adil di sisi Allah. Kalau kamu tidak ketahui bapa mereka, maka mereka adalah saudaramu dalam agama dan hamba yang telah dibebaskan. Kamu tidak berdosa tentang apa yang tersalah, tetapi apa yang disengajakan oleh hatimu Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

(al-Ahzab: 4-5)

Ayat tersebut menjelaskan pengharaman menasabkan anak orang lain sebagai anak sendiri. Sebelum hukum pengangkatan anak ini diturunkan, Nabi Muhammad telah mengisytiharkan kepada kaumnya bahawa Zayd adalah anaknya dan akan saling mewarisi di antara satu sama lain (al-Qurtubi, 1995: 118), iaitu satu amalan biasa yang diterima oleh masyarakat Arab pada zaman Jahiliyah dan awal Islam. Semenjak dari itu, masyarakat memanggil Zayd bin Harithah dengan panggilan Zayd bin Muhammad (Ibn Kathir, 1984: 466; al-Tabari, t.t: 215). Ayat yang diturunkan ini menerangkan hukum yang jelas tentang kedudukan anak angkat dan melarang menasabkan anak angkat dengan nama bapa angkat. Bagi menegaskan lagi bahawa status anak angkat tidak sama dengan anak kandung, Allah memerintahkan Nabi Muhammad (s.a.w) supaya berkahwin dengan Zaynab, bekas isteri kepada Zayd (al-Ahzab: 37).

Pengharaman menasabkan seseorang anak kepada lelaki yang bukan bapa kandungnya juga telah dinyatakan dalam Hadis yang bermaksud "Sesiapa yang memanggil (mendakwakan) dirinya sebagai anak dari seseorang yang bukan bapanya, maka kepadanya ditimpakan laknat Allah, para malaikat dan manusia seluruhnya. Pada hari kiamat kelak, Allah tidak menerima amalan-amalannya dan kesaksiannya." (Muslim, Kitab al-'Itq, No. Hadis. 1370, Jil. 2: 1147).

Penerimaan seseorang anak dengan cara mem "bin" kannya kepada bapa dan juga nama keluarga (*surname*) merupakan satu bentuk pengiktirafan bahawa anak tersebut adalah sebahagian dari keturunan mereka dan berhak mendapat hak-hak sebagai ahli keluarga. Kelahiran anak berkenaan mendapat pengiktirafan syarak dan masyarakat Islam. Ketentuan nasab asal seseorang juga penting bagi mengelakkan berlakunya perkahwinan antara mahram. Nasab amat dipandang tinggi oleh masyarakat, sehinggakan mereka yang tidak di "bin" kan kepada bapa lazim dipandang serong oleh kebanyakan orang. Gelaran seperti "anak luar nikah," "anak haram," "anak zina," dan lain-lain bentuk panggilan merupakan sesuatu yang

digeruni. Kualiti hidup mereka juga akan terjejas disebabkan pandangan rendah masyarakat terhadap mereka sebagai anak yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan yang sah.

Di Malaysia, isu adakah nama anak angkat terutamanya anak tak sah taraf boleh digabungkan dengan nama bapa angkat menjadi topik yang diperdebatkan dalam masyarakat. Terdapat pandangan yang mengatakan anak angkat terutamanya yang dilahirkan sebagai anak tak sah taraf dibenarkan untuk digabungkan namanya dengan nama bapa angkat tetapi tidak memasukkan “bin” atau “binti” bagi mengelakkan tekanan psikologi kepada kanak-kanak berkenaan. Pendaftaran nama dalam dokumen pengenalan diri yang disandarkan kepada nama Abdullah, atau salah satu dari Asmaul Husna berpangkalkan Abdul atau nama ibu atau menggunakan perkataan maula (bagi anak lelaki) dan maulat (bagi anak perempuan) kepada bapa angkat dibimbangi akan menyebabkan tekanan emosi kepada kanak-kanak berkenaan yang terdedah kepada ejekan rakan-rakan di sekolah disebabkan namanya yang berbeza dengan nama orang lain, dan diketahui statusnya sebagai anak luar nikah. Terdapat kes-kes yang dilaporkan anak-anak tidak mahu pergi ke sekolah kerana sering diejek oleh rakan-rakan di sekolah. Isu penggunaan maula / maulat juga dikatakan penyebab kepada kes-kes yang mana ibu bapa angkat menipu dalam pendaftaran anak, yang akhirnya menyebabkan masalah di kemudian hari. Walaupun, nama anak berkenaan disandarkan kepada nama bapa angkat tanpa ada perkataan bin atau binti, tetapi sijil kelahiran asal mencatatkan bahawa anak berkenaan adalah anak angkat. Pendekatan ini dilihat lebih baik dan lebih mudah diterima oleh masyarakat awam dan bagi mengelakkan mereka menipu dalam pendaftaran pengenalan diri anak (Utusan Online, 12 Mac 2000).

Namun begitu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 memutuskan anak angkat tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkat dan melarang menggabungkan nama anak angkat dengan bapa angkat dalam sijil pengangkatan dan kad pengenalan (e-fatwa, *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/menggabungkan-nama-anak-angkat-dengan-bapa-angkat-dalam-sijil-pengangkatan-dan-kad-](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/menggabungkan-nama-anak-angkat-dengan-bapa-angkat-dalam-sijil-pengangkatan-dan-kad-)). Walaupun perbincangan dalam kitab fiqh menetapkan anak tak sah taraf perlu dinasabkan kepada ibu kandung, namun Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-44 memutuskan bahawa bagi mengelakkan masalah sosial dan kesan psikologi kepada kanak-kanak itu, dia tidak wajar di “bin” atau di “binti” kan kepada ibu. Sebaliknya dicadangkan di “bin” atau di “binti” kan kepada nama Abdullah atau mana-mana nama Asmaul Husna yang berpangkalkan Abdul (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-44, 25 Jun 1998). Pemilihan nama Abdullah atau mana-mana Asmaul Husna berpangkalkan Abdul juga tertakluk kepada pemilihan nama yang tidak sama dengan nama bapa angkat (Hukum Menggabungkan Nama Anak Angkat Dengan Bapa Angkat Dalam Sijil Pengangkatan Anak Dan Kad Pengenalan” e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia di laman web [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-menggabungkan-nama-anak-angkat-dengan-bapa-angkat-dalam-sijil-pengangkatan-anak-dan-kad](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-menggabungkan-nama-anak-angkat-dengan-bapa-angkat-dalam-sijil-pengangkatan-anak-dan-kad))

Perwalian diri membabitkan perkahwinan seseorang anak juga berkait rapat dengan nasab. Oleh itu, walaupun seorang anak itu dijaga dan dipelihara oleh keluarga angkat tetapi perwalian perkahwinan anak perempuan angkat masih di bawah kuasa bapa kandung (atau datuk sebelah bapa). Jika anak angkat perempuan berkenaan tidak mempunyai wali nasab, sama ada disebabkan dia adalah anak tak sah taraf atau seseorang yang mana semua wali nasabnya telah meninggal dunia atau tidak ditemui sedangkan usaha-usaha mencarinya telah dilakukan dengan secara wajar, maka perwalian perkahwinan menggunakan wali hakim perlu dilaksanakan.

Perkahwinan yang ditetapkan mengikut peraturan undang-undang keluarga Islam mensyaratkan bahawa sesuatu perkahwinan itu tidak boleh diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah undang-undang melainkan apabila kedua-dua belah pihak kepada perkahwinan itu bersetuju terhadapnya, dan sama ada melibatkan persetujuan (i) wali nasab mengikut hukum syarak, atau (ii) wali hakim (apabila jelas bahawa perempuan itu tiada wali nasab mengikut hukum syarak atau walinya tidak dapat ditemui atau jika wali enggan) (Seksyen 13, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

## **Penyusuan dan Implikasinya Terhadap Hubungan Anak Angkat – Ibu Bapa Angkat**

Pengangkatan anak juga tidak memberi kesan kepada status mahram antara anak angkat dengan ibu atau bapa angkat. Ibu angkat perlu menjaga aurat dan interaksi dengan anak angkat lelaki apabila dia mencapai umur baligh. Begitu juga, bapa angkat, selain tidak boleh menjadi wali kepada anak angkat perempuan, dia juga perlu menjaga aurat dan batasan pergaulan dengan anak angkatnya apabila anak berkenaan mencapai usia baligh. Keadaan ini sudah pasti menyukarkan hubungan antara ahli keluarga yang perlu tinggal sebumbung. Justeru, tindakan ibu angkat menyusukan anak angkat semakin menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya di Malaysia bagi menangani isu ini. Hubungan anak angkat (yang juga anak susuan) dengan ibu angkat (ibu susuan) dan bapa angkat (bapa susuan) sama seperti ibu bapa kandung. Hubungan kekeluargaan dan kekerabatan antara anak angkat susuan dengan ibu dan bapa angkat susuan menjadi semakin luas. Tali persaudaraan mahram sebelah ibu angkat susuan juga menjadi mahram kepada anak angkat susuan, begitu juga kesannya dengan persaudaraan mahram sebelah bapa angkat susuan (suami kepada ibu angkat) atau mana-mana lelaki lain yang kemudiannya berkahwin dengan ibu angkatnya dianggap sebagai bapa tiri susuan. Hubungan mahram antara ibu susuan dengan anak susuan adalah berdasarkan dalil al-Quran yang bermaksud “Dan ibu-ibu kamu yang menyusukan kamu dan saudara-saudara perempuan sesusuan kamu...” (al-Quran, al-Nisa’: 23). Perbandingan antara hubungan mahram ibu susuan dengan anak susuan dengan hubungan antara ibu kandung dengan anak kandung adalah berasaskan kepada hadith Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan dari Aishah RA yang bermaksud “Penyusuan mengharamkan apa yang diharamkan dengan sebab kelahiran (nasab).” (al-Bukhari, t.th, Kitab al-Shahadat, No. Hadis 2502, Jil. 2: 935; Muslim, Kitab: al-Rada’, No. Hadis 1445, Jil. 2: 1070).

Syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan dalam hukum syarak perlu dipenuhi bagi melayakkan seseorang itu diiktiraf mempunyai hubungan susuan iaitu, 1) anak yang disusui umurnya tidak melebihi usia dua tahun. Jika penyusuan berlaku ketika umurnya telah melebihi umur dua tahun, hubungan susuan tidak berlaku. 2) Penyusuan dilakukan sebanyak lima kali secara berasingan (al-Khin, al-Bugha & al-Sharbaji, 2000: 196-198).

Di Malaysia, isu wanita-wanita yang tidak bersuami mengambil anak angkat dan menyusukan mereka dengan susu badan dengan bantuan rawatan perubatan mendapat perhatian masyarakat ([www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7455-wanita-bujang-susukan-anak](http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7455-wanita-bujang-susukan-anak); [halaqah.net/v10/index.php?topic=797.0](http://halaqah.net/v10/index.php?topic=797.0)). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 membuat ketetapan fatwa dengan merujuk kepada pandangan Jumhur Fuqaha bahawa wanita yang hendak menyusukan seseorang anak, tidak disyaratkan mempunyai suami yang menyetubuhinya. Penggunaan ubat atau suntikan untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat dia adalah wanita yang baligh tanpa mengambilkira sama ada dia berkahwin ataupun tidak, dan ubat atau hormon yang digunakan tidak mengandungi sebarang unsur najis atau mudarat. Walau bagaimanapun, keharusan ini tidak tertakluk bagi seorang lelaki yang berubah menjadi wanita melalui pertukaran jantina.

Muzakarah mengiktiraf dua kaedah penyusuan bagi menjadikan bayi tersebut mahram dengan sebab susuan, iaitu penyusuan secara langsung dari payudara dan penyusuan secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya. Bayi yang disusukan sama ada secara langsung atau tidak langsung akan diiktiraf sebagai anak susuan sekiranya memenuhi syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan syarak, iaitu a) bilangan susuan hendaklah lima kali penyusuan; b) susu yang dihisap mestilah sampai ke perut bayi; dan c) umur bayi tidak melebihi dua tahun mengikut perkiraan bulan qamariah.

Walaupun penyusuan berlaku secara tidak langsung, hakikatnya susu badan wanita berkenaan telah menjadi makanan asasi kepada bayi yang menumbuhkan daging dan memanjangkan tulang, sama seperti penyusuan secara terus dari payudara.

Muzakarah juga memutuskan bahawa wanita yang beragama Islam tidak dilarang dari menyusukan bayi yang bukan Islam. Begitu juga bayi yang beragama Islam boleh menyusu



dengan wanita bukan beragama Islam kerana tiada nas syarak yang melarangnya. Penyusunan berkenaan tidak memberi kesan kepada akidah dan agama bayi yang yang disusukan.

Bagi mana-mana lelaki yang mengahwini wanita yang menyusukan anak angkatnya dan anak berkenaan telah sabit menjadi anak susuan, difatwakan bahawa lelaki berkenaan telah menjadi mahram kepada anak susuan tersebut (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Kali Ke-96, 2011).

Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan bahawa seseorang lelaki atau perempuan yang mempunyai pertalian penyusuan dilarang berkahwin dengan mana-mana orang yang juga turut dilarang berkahwin dengan sebab nasab atau perkahwinan (Seksyen 9 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

### **Implikasi Pengangkatan Terhadap Hak Hadanah Anak Angkat**

Akta atau Enakmen Keluarga Islam di Malaysia tidak memperuntukkan secara khusus tentang hak hadānah yang melibatkan anak angkat. Namun begitu, dari segi amalan apabila ibu bapa angkat bercerai dan kedua-duanya bertikai terhadap hak jagaan anak angkat tersebut, maka kebiasaannya keutamaan hadānah diberikan kepada ibu jika dia berkelayakan untuk menjadi pengasuh. Contohnya dalam kes *Rosnah lwn Ibrahim*, ((1979) 2 JH 261). Pihak-pihak dalam kes ini berkahwin pada 13 April tahun 1970 dan Pihak Menuntut telah dicerai pada 16 Februari tahun 1979. Pihak Menuntut telah membuat tuntutan hak hadānah anak angkat mereka yang berumur tiga tahun. Kadi Besar telah memberi hak hadānah anak angkat tersebut kepada Pihak Menuntut. Ini menunjukkan keutamaan hadanah diberikan kepada pihak perempuan berbanding pihak lelaki sebagaimana juga dalam kes yang membabitkan perebutah hak hadanah antara ibu dengan bapa kandung.

Persoalannya ialah, adakah hak ibu bapa angkat yang telah menjaga dan menyara hidup anak angkat semenjak dari kecil diutamakan berbanding hak ibu bapa kandung yang telah menyerahkan anak berkenaan secara sah mengikut undang-undang? Adakah mereka boleh menuntut kembali anak kandung mereka yang telah diserahkan kepada keluarga angkat?

Keputusan kes *Ahmad Arshad dan Seorang Lagi lwn Mohd Jamal Mat Jamin dan Seorang Lagi* ([2005] JH 20 (1) menunjukkan Mahkamah lebih mengutamakan hak ibu bapa kandung berbanding ibu bapa angkat. Dalam kes ini plaintif kedua dan defenden kedua adalah adik beradik. Plaintif pertama dan kedua mempunyai dua orang anak. Anak kedua mereka yang lahir pada tahun 1998 telah diserahkan kepada defenden pertama dan kedua kerana mereka berdua menyambung pelajaran ke universiti. Anak berkenaan diserahkan kepada defenden pertama dan kedua yang tidak mempunyai anak kandung serta surat sumpah telah dilakukan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang berdaftar dan seterusnya anak itu didaftarkan sebagai anak angkat kepada defenden di Jabatan Pendaftaran Negara.

Walau bagaimanapun, apabila ibu bapa kandung anak berkenaan, iaitu plaintif pertama dan kedua tamat pengajian, mereka ingin mengambil semula anak mereka dari jagaan defenden, tetapi dibantah oleh pihak defenden. Pihak plaintif membuat permohonan hak hadanah di Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendapatkan semula anak itu serta membatalkan pengangkatan tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa anak yang dipertikaikan diserahkan kembali kepada ibu bapa kandung. Surat keizinan pengangkatan yang diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan surat pengangkatan di Jabatan Pendaftaran Negara dibatalkan. Dalam penghakimannya hakim menyatakan bahawa plaintif kedua adalah ibu kandung kepada anak berkenaan, dan dia mempunyai kelayakan menjaga anak tersebut.

Terdapat kes-kes yang mana kanak-kanak yang asalnya dilahirkan oleh ibu bapa beragama Islam dibesarkan oleh mereka yang bukan beragama Islam. Perbuatan menyerahkan anak kepada orang bukan Islam, sama ada melalui pengangkatan, penyerahan atau sebagainya adalah satu kesalahan jenayah syariah. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 contohnya memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menjual, memberikan atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak di bawah peliharaannya kepada

seseorang yang tidak beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM2000, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penjualan, pemberian atau penyerahan tersebut adalah tidak sah dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya anak itu diserahkan kepada jagaan mana-mana orang yang layak atau rumah kebajikan (Seksyen 21, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985). Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan yang sama di negeri Selangor adalah lebih tinggi, di mana pesalah boleh dikenakan denda RM5000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali (Seksyen 35, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1985).

Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dilaporkan telah menjatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan ke atas seorang penganggur yang bernama Mazuri Mamat yang menyerahkan anak lelakinya yang berusia 8 tahun kepada Ingrid Angelika Braun seorang wanita bangsa Jerman. Fakta kes menunjukkan tertuduh membuat surat akuan keizinan pemberian hak jagaan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah pada 4 Disember 2002, dan dia juga menyerahkan satu surat lain bertarikh 5 Disember 2002 kepada guru besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Chun Cheng bagi mengesahkan penjaga kanak-kanak terbabit adalah Ingrid Angelika Braun. Dalam pendakwaan, Ketua Pendakwa Syarie Kelantan memohon Mahkamah mengenakan hukuman berat ke atas tertuduh di atas sikap tidak bertanggungjawabnya. Sekiranya tertuduh tidak mampu menjaga anak, masih ada lagi institusi yang diiktiraf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang boleh menjaga anak berkenaan. Penyerahan anak yang tidak berdosa kepada orang bukan Islam boleh menyebabkan akidah berubah kerana terpengaruh dengan tingkah laku penjaga baru. Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwa termasuk kebenaran menyerahkan hak penjagaan anak berkenaan kepada ibu kandungnya (*Utusan Malaysia*, 12 April 2005).

### **Implikasi Pengangkatan Terhadap Nafkah Anak Angkat**

Secara prinsipnya seorang yang mempunyai harta, dia perlu menggunakan hartanya sendiri bagi menyara keperluan hidupnya, sama ada orang yang menjaganya adalah orang miskin atau orang kaya. Kanak-kanak yang tidak mempunyai harta bagi menyara hidupnya sebagaimana kebanyakan yang lazim berlaku dalam masyarakat, tanggungjawab menyara nafkah adalah ke atas bapa (dan golongan ke atas seperti datuk sebelah bapa, bapa saudara dan sebagainya). Ini bertepatan dengan matlamat pengangkatan kerana ianya berlaku bagi menjaga kebajikan dan memberi perlindungan kepada anak-anak yang memerlukan penjagaan. Selain dari penjagaan yang bersifat kerohanian, penjagaan aspek material seperti pemberian nafkah yang membabitkan penyediaan tempat tinggal yang sesuai, sara hidup yang memadai serta kos rawatan perubatan juga adalah penting dalam menjaga kebajikan kanak-kanak yang diterima sebagai anak angkat.

Kewajipan ke atas bapa angkat menanggung nafkah anak angkat diperuntukkan dalam seksyen 78 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor yang menyatakan, jika seseorang lelaki menerima kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai ahli keluarganya, dia bertanggungjawab menanggung nafkah kanak-kanak berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya anak itu diambil kembali oleh ibu atau bapa kandungnya, lelaki itu boleh menuntut dari ibu atau bapa kandungnya jumlah yang dibelanjakan ke atas kanak-kanak itu dalam tempoh dia menjaganya sebagai hutang yang perlu dijelaskan (Seksyen 78, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

### **Implikasi Pengangkatan Terhadap Pusaka, Hibah dan Wasiat**

Pengangkatan tidak memberi hak kepada anak angkat mewarisi harta peninggalan keluarga angkatnya. Hak pusaka hanya khusus bagi mereka yang mempunyai pertalian nasab serta perkahwinan. Begitu juga, ibu bapa angkat tidak berhak mewarisi harta anak angkatnya yang telah meninggal dunia.

Walau bagaimanapun, anak angkat boleh mendapat harta dari ibu atau bapa angkatnya melalui hibah (hadiah). Hibah berlaku dengan cara pemberian semasa hidup yang diberikan oleh pemilik harta kepada pihak yang mendapat hibah. Oleh itu, sebagaimana anak kandung juga boleh mendapat hibah dari ibu atau bapa kandungnya atau mana-mana orang lain, begitu juga kedudukannya dengan anak angkat.

Dalam kes *Zanani Mohd Noor lwn Awang Merah dan Satu Yang Lain* [2008] JH 26 (2), fakta menunjukkan perayu adalah anak saudara dan juga anak angkat kepada arwah Che Limah Awang Mat. Harta yang menjadi subjek pertikaian adalah tanah rancangan yang pada mulanya diusahakan oleh bapa kandung perayu, Mohd Noor Merah. Kerja-kerja penerokaan tergendala apabila bapa perayu jatuh sakit dan tidak dapat mengusahakan tanah-tanah tersebut dan dia menyerahkan kepada Che Limah yang kemudiannya mengusahakan tanah dan akhirnya berjaya memiliki tanah berkenaan. Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah tidak mensabitkan tanah-tanah lot yang berkenaan sebagai pemberian hidup kepada perayu. Rayuan dikemukakan ke Mahkamah Rayuan Syariah, Kota Bharu. Perayu menyatakan bahawa beliau belum cukup umur untuk dinamakan sebagai penama dalam geran tanah-tanah berkenaan. Usaha-usaha telah dilakukan oleh arwah Che Limah untuk membuat perlantikan pemegang amanah. Mahkamah Rayuan memutuskan sabit tuntutan perayu terhadap tanah-tanah yang dituntut sebagai pemberian hidup (hibah) mengikut hukum syarak dan membatalkan keputusan Hakim Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah.

Dalam kes *Pengesahan Hibah Norizah bt Mansor* [2004] JH 17 (1) 69, plaintif adalah anak angkat kepada Jamaliah Burhan (si mati). Semasa hayatnya Jamaliah memiliki ½ dari bahagian tanah yang dikongsi dengan adiknya Jamilah Burhan. Ketika hayatnya, si mati membuat surat akuan menyatakan beliau hendak memberikan kepada plaintif bahagian tanah miliknya. Selepas tanah dijual, si mati tidak sempat mengambil wang pendahuluan jualan tanah sebanyak 10% dari jumlah keseluruhan, sebaliknya menghantar plaintif sebagai wakil. Selepas kematian ibu angkatnya, plaintif tidak mengambil baki hasil jualan kerana tidak pasti status wang tersebut, sama ada pusaka si mati atau milik plaintif. Plaintif membuat permohonan di Mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa wang baki jualan adalah hibah dan plaintif berhak memilikinya. Mahkamah mensabitkan hasil jualan tanah tersebut adalah hibah dan memerintahkan wang baki jualan tanah diserahkan kepada plaintif bagi menepati hibah tersebut.

Dalam kes *Salmiah Che Hat lwn Zakaria Hashim* [2001] JH 14 (1) 79, isu yang dibangkitkan ialah sama ada sebidang tanah yang diberikan oleh bapa angkat (bapa saudara) kepada plaintif adalah harta sepencarian atau hibah. Bapa angkat plaintif adalah bapa saudara kepada plaintif dan defenden, iaitu pasangan sepupu yang berkahwin. Tanah diberikan ketika plaintif dan defenden masih dalam ikatan suami isteri. Setelah berlaku perceraian, bapa angkat plaintif telah menarik balik pemberian itu dan memberikan tanah itu kepada plaintif. Isu yang dipersoalkan ialah, adakah tanah tersebut adalah harta hibah, atau harta sepencarian? Plaintif memohon kepada Mahkamah mengisytiharkan bahawa tanah tersebut adalah suatu hibah. Mahkamah memutuskan bahawa pemberian tanah oleh bapa angkat plaintif kepada plaintif merupakan suatu hibah dan memenuhi syarat-syarat sesuatu hibah. Pemberian hibah tersebut adalah sah.

Selain dari hibah, harta dari ibu bapa angkat kepada anak angkat atau sebaliknya boleh juga dipindahmilik melalui cara wasiat. Dalam kes *Eshah Abdullah & Ors lwn Aminah Abdul Razak* [2005] 3 ShLR 104, fakta menunjukkan si mati yang bernama Mohamed Abdullah telah memberi milik sebuah rumah 3 pintu kepada isterinya dan dua anak angkatnya. Ketika hayatnya, si mati pernah berusaha membuat proses pecah lot tetapi tergendala disebabkan salah seorang tuan tanah berkenaan menetap di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, dari fakta kes ini menunjukkan si mati telah membuat pemberian hibahnya secara memberi milik kepada ketiga-tiga penerima hibah tersebut. Isu yang dipertimbangkan oleh Mahkamah ialah sama ada wujud atau tidak tuntutan hibah dan sama ada ianya menepati Hukum Syarak dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Hakim memutuskan bahawa defenden pertama (isteri si mati) berjaya membuktikan sampai ke tahap yakin bahawa telah wujud lafaz hibah semasa hidupnya. Hibah yang dilakukan itu adalah sah dari segi hukum syarak dan undang-undang. Walaupun proses pindahmilik belum dapat disempurnakan, tetapi

ketiga-tiga penerima hibah telah menerima hasil sewaan dari bangunan tersebut semenjak Mohamed Abdullah (si mati) masih hidup lagi.

Anak angkat juga boleh menerima harta dari keluarga angkatnya melalui wasiat, asalkan bahagian yang diperuntukkan tidak melebihi 1/3 dari keseluruhan harta peninggalan. Bahagian 1/3 atau (lebih satu pertiga sahaja perlu persetujuan waris lain) lebih boleh diwasiatkan kepada anak angkat dengan syarat semua ahli waris yang sah mengikut hukum syarak bersetuju dengan bahagian tersebut (al-Khafif, 2010: 207)

Diriwayatkan bahawa Sa'd bin Abi Waqas RA berkata kepada Nabi Muhammad SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْصِي بِمَا لِي كُلِّهِ ، قَالَ : لَا ، قُلْتُ : فَالْشَّطْرُ ، قَالَ : لَا ، قُلْتُ : قَالَ : فَالْثُلُثُ ، قَالَ : فَالْثُلُثُ

وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّمُونَ النَّاسَ

*Maksudnya: Wahai Rasulullah, aku ingin berwasiat dengan kesemua hartaku, nabi bersabda: tidak. Aku berkata: Separuh (hartaku), nabi bersabda: tidak. Aku berkata: satu pertiga (hartaku), nabi bersabda: satu pertiga, dan satu pertiga itu banyak. Sesungguhnya engkau meninggalkan ahli waris engkau dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka meminta-minta manusia.*

(al-Bukhari, 1987, Kitab al-Wasaya. No. Hadis 2615, Jil 3: 1017).

Dalam kes *Wan Abdullah Wan Muda & Seorang Lagi lwn Wan Puziah Wan Awang* [2005] JH 19 (2) 295, perayu merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang memutuskan bahawa ½ bahagian dari baki akaun Tabung Haji si mati adalah harta yang diwasiatkan (*al-muso bihi*) yang mana responden (Wan Puziah Wan Awang – anak angkat) berhak menerimanya. Perayu-perayu mempertikaikan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam membicarakan kes ini, atas alasan kes ini bukan kes wasiat tetapi kes penamaan. Perayu-perayu juga mendakwa penamaan telah ditarik balik oleh si mati semasa hayatnya. Walau bagaimanapun, dakwaan ini gagal disokong dengan keterangan yang meyakinkan mahkamah. Mahkamah memutuskan penamaan yang dibuat memenuhi syarat-syarat dan rukun-rukun wasiat dengan sedikit pindaan, iaitu plaintif diminta bersumpah *nafy ilmi* untuk mengekalkan keputusan hakim yang dibuat pada 8 Februari 2001. Kenyataan dalam borang penamaan yang ditandatangani si mati dengan jelas menamakan dua orang sebagai orang yang berhak ke atas wang simpanan Tabung Hajinya apabila dia meninggal dunia, dengan setiap orang mendapat ½ bahagian. Wasiat berkenaan hanya berkenaan dengan wang simpanan dalam Tabung Haji sahaja, dan tidak melibatkan harta-hartanya yang lain. Merujuk kepada kitab fiqh al-sunnah, Hakim menyatakan bahawa wasiat yang dilakukan oleh si mati kepada anak angkatnya adalah sah di sisi hukum syarak kerana, walaupun penerima wasiat dibintikan kepada bapa angkat (suami si mati), tetapi dia adalah bukan waris yang dimaksudkan dalam istilah ilmu faraid.

Menyentuh isu kadar bahagian yang dibenarkan bagi wasiat, Hakim menyatakan bahawa harta keseluruhan si mati adalah lebih dari RM2 juta, dan ½ yang menjadi pertikaian ini hanya melibatkan jumlah wang simpanan dalam Tabung Haji yang berjumlah RM664,000.00. Oleh itu, isu kadar wasiat yang tidak boleh melebihi 1/3 adalah tidak berbangkit.

Antara isu yang dibangkitkan juga ialah ketetapan Majlis Fatwa Kebangsaan yang secara jelas meletakkan penama sebagai wakil waris yang ditermakan sebagai wasi. Ketetapan Fatwa Kebangsaan dan Majlis Raja-raja Melayu berlaku pada 20 September 1993, dan telah diterimapai oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu pada 3 September 2000. Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu yang bermesyuarat pada 24 Jun 1990 juga memutuskan bahawa Wang Simpanan Tabung Haji, Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya yang mempunyai penama adalah wang pusaka dan perlu dibahagikan mengikut hukum faraid. Walau bagaimanapun, persoalannya ialah adakah fatwa kebangsaan dan fatwa negeri yang telah diterima pada tarikh tersebut adalah juga

terpakai kepada penamaan yang sempurna dilakukan pada tahun 1975? Mahkamah bersetuju mengambilkira fatwa-fatwa yang berkenaan berjalan kepada kes penamaan yang berlaku selepas penerimaan fatwa tersebut, seiring dengan fatwa negeri dan ketetapan Majlis Raja-raja Melayu berhubung penamaan dalam mana penama yang disebut adalah waris di sisi syarak. Oleh kerana, penamaan yang menjadi isu yang dibicarakan ini dibuat sebelum penerimaan fatwa-fatwa, dan penamanya juga bukan ahli waris, maka mahkamah memutuskan wujudnya pemberian yang nyata melalui penamaan yang dilakukan oleh si mati.

Persoalan adakah berlaku penarikan balik penamaan sebagaimana yang dibangkitkan oleh perayu, Mahkamah menyatakan bahawa perayu gagal membuktikan berlakunya penarikan penamaan. Dokumen mengenai penarikan penamaan diserahkan kepada Tabung Haji pada 26 Januari 1988 dan penarikan itu diketahui selepas kematian penyimpan. Dakwaan tersebut juga dinafikan oleh plaintif bahawa dia mengetahui tentang perkara tersebut. Mahkamah mengarahkan plaintif membuat sumpah *nafyul ilmi* (penafian mengetahui atau ada diberitahu berlakunya penarikan balik) pemberian tersebut. Mahkamah menolak permohonan perayu.

## Kesimpulan

Hubungan pengangkatan anak perlu dijelas dari awal lagi tentang kedudukan nasabnya bagi mengelakkan kekeliruan di antara keluarga angkat dan keluarga kandung yang jelas memberi kesan yang berbeza terhadap aspek-aspek nasab, hadanah dan pusaka. Penyusuan anak kecil yang berusia bawah dua tahun adalah salah satu langkah yang boleh memudahkan pergaulan antara anak angkat dengan ibu bapa angkat serta adik beradik angkat. Isu-isu mengenai hak, tanggungjawab dan kepentingan semua pihak perlu diteliti dan ditangani sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak, agar amalan mulia pengangkatan ini tidak mendatangkan balasan dosa disebabkan kurangnya kefahaman masyarakat tentang prinsip-prinsip Islam yang perlu dijaga.

## Rujukan

al-Quran al-Karim

al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1987). *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*. (Tahqiq: Mustafa Dib al-Bugho). Jil. 5. Cet. ke-3. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. (1405H/1984). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah .

al-Khafif, Ali. (2010). *Ahkam al-Wasiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi.

al-Khin, Mustafa., al-Bugha, Mustafa & al-Sharbaji, Ali. (2000). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala al-Madhab al-Imam al-Shafi'i*. Jil. 2. Dar al-Qalam: Dimashq.

Mimi Kamariah Majid. (1999). *Undang-undang Keluarga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Muslim, Abu al-Husain al-Hajjaj al-Naisaburi. (t.t). *Sahih Muslim*. (Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqi). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

al-Qurtubi, Abi 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (1416H/1995). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Jil. 14. Beirut: Dar ihya al-Turath al-Arabi.

Shamsuddin Suhor. (2008). *Anak Angkat dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Tabari. (t.t). *Tārikh al-Umam wa al-Muluk*. Jil. 3. Mesir: Matba'ah al-Husiniyyah.

*Utusan Malaysia*, 12 April 2005.

### **Senarai Statut**

Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).

Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).

Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1985.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

Ordinan Pendaftaran Pengangkatan 1952.

### **Senarai Kes-Kes Rujukan**

*Abdul Shaik Md Ibrahim & Anor lwn Hussein Ibrahim & Ors* [1999] 2 CLJ 539.

*Ahmad Arshad dan Seorang Lagi lwn Mohd Jamal Mat Jamin dan Seorang Lagi* [2005] JH 20 (1) 42.

*Che Hat lwn Zakaria Hashim* [2001] JH 14 (1) 79.

*Eshah Abdullah & Ors lwn Aminah Abdul Razak* [2005] 3 ShLR 104.

*Jainah bt Semah lwn Mansor bin Iman Mat* [1951] 1 MLJ 62.

*Pengesahan Hibah Norizah bt Mansor* [2004] JH 17 (1) 69.

*Re Loh Toh Met* [1961] MLJ 234.

*Rosnah lwn Ibrahim* (1979) 2 JH 261.

*Tan Kong Meng lwn Zainon* [1995] 3 MLJ 408.

*Wan Abdullah Wan Muda & Seorang Lagi lwn Wan Puziah Wan Awang* [2005] JH 19 (2) 295.

*Zanani Mohd Noor lwn Awang Merah dan Satu Yang Lain* [2008] JH 26 (2) 241.

### **Internet**

Hukum Menggabungkan Nama Anak Angkat Dengan Bapa Angkat Dalam Sijil Pengangkatan Anak Dan Kad Pengenalan. e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia di laman web [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-menggabungkan-nama-anak-angkat-dengan-bapa-angkat-dalam-sijil-pengangkatan-anak-dan-kad](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-menggabungkan-nama-anak-angkat-dengan-bapa-angkat-dalam-sijil-pengangkatan-anak-dan-kad)

Hukum Wanita Menyuskan Anak Angkat. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011. e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia di laman web [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wanita-menyuskan-anak-angkat](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wanita-menyuskan-anak-angkat).

Jalan Penyelesaian JPN – Hukum syarak tetap dipatuhi dalam penamaan anak angkat. Utusan Malaysia Online, pada 12/03/2000.  
(web [ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt))

Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah), Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981. e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-araf-anak-luar-nikah](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-araf-anak-luar-nikah)

Penamaan Anak Tak Sah Taraf Yang Mesti di"Bin" Atau di"Binti"kan kepada Abdullah. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981.

Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah), e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia di laman web [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-araf-anak-luar-nikah](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-araf-anak-luar-nikah)

Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah). Fatwa negeri Sarawak pada 6 September 2005, e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia di laman web [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/anak-tak-sah-araf-3](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/anak-tak-sah-araf-3)

Pilihan Sama Ada Membin Atau Membintikan Anak Kepada Nama Ibu Atau Kepada Nama Abdullah Atau Salah Satu dari Asmul Husna. Fatwa negeri Melaka pada 14 Oktober 2005 (diwartakan pada 27 Oktober 2005), e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia di laman web [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/anak-tak-sah-araf-1](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/anak-tak-sah-araf-1)

Pemilihan Nama Abdullah Atau Mana-Mana Asmaul Husna Berpangkalkan Abdul Juga Tertakluk Kepada Pemilihan Nama Yang Tidak Sama Dengan Nama Bapa Angkat. Fatwa Negeri Sembilan pada 25 Mac 2013.